



KENYATAAN MEDIA

PERKESO SANGKAL DAKWAAN PAKAR KESELAMATAN JALAN RAYA

KUALA LUMPUR – Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dengan tegasnya menyangkal dakwaan seorang pakar keselamatan jalan raya bahawa individu yang tidak mempunyai lesen memandu tidak layak menuntut sebarang faedah daripada PERKESO jika terlibat dalam kemalangan jalan raya.

Kenyataan tersebut adalah **TIDAK TEPAT dan mengelirukan** orang ramai. Berdasarkan **Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan 1969** dan **Peraturan-Peraturan (Am) Keselamatan Sosial 1971**, setiap pencarum PERKESO yang mengalami **kemalangan semasa bekerja atau apa-apa kemalangan** yang berkaitan atau terbit daripada pekerjaan **adalah layak** untuk memohon faedah di bawah **Skim Bencana Pekerjaan**.

Bagi setiap permohonan yang diterima, PERKESO akan menjalankan siasatan dan membuat pengesahan sebelum kelulusan diberi dan pembayaran dibuat. Antara **dokumentasi mandatori** yang perlu dikemukakan untuk tuntutan kemalangan di bawah Skim Bencana Pekerjaan adalah **Borang 34, Laporan Polis, Sijil Cuti Sakit dan Peta Lakar Kemalangan**.

Sekali lagi, PERKESO tegaskan bahawa PERKESO **tidak menetapkan keperluan lesen memandu sebagai satu syarat ataupun syarat tambahan** untuk semua tuntutan faedah di bawah skim-skim PERKESO.

Kesalahan tidak mempunyai lesen sewaktu memandu di jalan raya adalah perkara yang perlu diselesaikan di antara individu dengan pihak berkuasa berkaitan.

Oleh itu, dakwaan oleh **Pakar Keselamatan Jalan Raya, Prof. Madya Dr. Law Teik Hua** yang disiarkan di portal berita **Kosmo! semalam (20 Mac 2021)** bertajuk, “**Tidak Layak Buat Tuntutan PERKESO**”, adalah **SALAH SAMA SEKALI**.

PERKESO menyeru **akhbar Kosmo!** untuk **membetulkan kenyataan tersebut dengan segera** bagi mengelakkan kekeliruan umum yang boleh menimbulkan tanggapan negatif

terhadap skim perlindungan sosial dan bantuan-bantuan yang disediakan PERKESO kepada para pencarum dan golongan sasaran.

Untuk maklumat lanjut berkenaan syarat-syarat kelayakan dan skim bantuan PERKESO, sila rujuk laman web www.perkeso.gov.my. Bagi sebarang pertanyaan, sila hubungi Pegawai Perkhidmatan Pelanggan PERKESO di talian 1-300-22-8000 atau e-mel perkeso@perkeso.gov.my

PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)

21 MAC 2021